

## Komunikasi Keluarga Berdasarkan *Uslub* Nabi SAW

Abu Dzar Ahmad<sup>1</sup> & Mohd Arif Nazri<sup>2</sup>

Email: [ibnu\\_ahmad\\_dac@yahoo.com](mailto:ibnu_ahmad_dac@yahoo.com)

<sup>1</sup>Calon Sarjana di Jabatan al-Quran al-Sunnah, FPI, UKM

<sup>2</sup>Pensyarah di Jabatan al-Quran al-Sunnah, FPI, UKM

### Abstrak

Kehebatan *uslub* atau pendekatan baginda nabi SAW berkomunikasi dengan para sahabat amat wajar dicontohi remaja dan ibu bapa masa kini. Pelbagai elemen unggul yang baginda terapkan dalam komunikasi menjadikan setiap tutur kata baginda berkesan dan memiliki mesej-mesej tertentu yang perlu diteladani. Realiti hari ini para remaja khususnya gagal memanfaatkan contoh agung tersebut telah mengundang pelbagai masalah keruntuhan akhlak. Penggunaan kata-kata kesat, tengking-menengking melatari komunikasi remaja dan persekitarannya diparahkan lagi dengan keterlibatan mereka dalam jenayah moral merupakan bukti kukuh kegagalan ini. Statistik kegiatan jenayah yang berlaku melibatkan pelajar sekolah menengah meningkat daripada 360 orang pelajar pada tahun 2012 kepada 540 orang pada tahun berikutnya. Angka ini menunjukkan bahawa penglibatan remaja dalam gejala sosial amat membimbangkan pelbagai pihak. Justeru, kajian ini bertujuan mengkaji dan mengenal pasti nilai-nilai *uslub* baginda berkomunikasi dengan para sahabat dan menganalisis pendekatan hadith tersebut dapat menangani masalah komunikasi di samping membina kualiti remaja berkomunikasi. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan secara tematik, deduktif dan deskriptif. Kajian menemui beberapa tema *uslub* komunikasi di dalam hadith tersebut berdasarkan pelbagai pendekatan baginda berkomunikasi dengan para sahabat dengan gaya bahasa yang mendidik. Hasil kajian mendapati bahawa intipati *uslub* baginda dapat menghidupkan suasana keharmonian komunikasi remaja, maka ibu bapa khususnya perlu memulakan peranan tersebut ketika remaja di awal usia. Implikasi kajian ini mendapati bahawa semua pihak bertanggungjawab terutama pihak keluarga malah menyedarkan masyarakat tentang Islam merupakan agama komunikasi. Oleh itu, menampilkan komunikasi remaja mencontohi *uslub* baginda dapat melahirkan remaja yang berakhlak mulia, berkualiti, beretika dan berintegriti dalam pertuturan sekali gus mengurangkan risiko mereka terus terjebak dengan permasalahan komunikasi.

**Kata Kunci:** *Uslub Nabi SAW, masalah komunikasi, ibu bapa, remaja.*

### Abstract

The remarkable *uslub* or approach by prophet Muhammad PBUH in communicating with the companions seemly to be emulated by teenagers and their parents nowadays. Many vital elements have been applied by prophet Muhammad PBUH in his communication made all of his speech become effective and contained messages that should be emulates. The reality of today's youth in particular failed to take advantage of those great examples have invited various issues of moral decadence. The use of abusive language, shouting amongst them which occur in their communication and environment has compounded with their involvement into moral and social crime is a concrete evidence of this failure. The statistic of crimes involving secondary school students has increased from 360 students in 2012 to 540 in the following years. Hence, this study aims to examine the values of the prophetic communication approach with his companions and analysing the communication traditions of the Prophet for the solutions of communication problems facing by the teenagers. This analysis is important to the quality life of teenagers. This study applies qualitative method based on thematic content analysis, deductive and descriptive approaches. The study finds that the essence of the prophetic communication enhances a harmonious communication culture among teenagers. It is a role of parents to cultivate the values of communication among the teenagers from the early age. The study suggests all responsible parties to participate in promoting the prophetic values of communication in individual Muslim life as well as Islam is religion of communication. Realization of the prophetic approach of communication is important as it will enhance the moral quality and integrity of teenagers and prevent them from the problem of social ills especially in the aspect of communication.

**Keywords:** *Way of prophet PBUH, communication problems, parents, teenagers.*

## 1. Pengenalan

Islam adalah agama komunikasi yang melibatkan pelbagai peringkat manusia khususnya institusi keluarga. Sebuah hadith diriwayatkan oleh ʿAli bin Abi Talib r.a berkata, Nabi SAW bersabda:

لَا يُشَمُّ بَعْدَ احْتِلَامٍ، وَلَا صُمَاتَ يَوْمٍ إِلَى اللَّيْلِ.

[Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, Kitab *al-Wasaya*, Bab *ma ja'*: *Mata yanqata' al-Yutm*. Al-Albani berkata: Sahih, no hadith 2873]

Maksudnya:

Tidak dipanggil anak yatim setelah mengalami mimpi (mencapai usia baligh), dan tidak boleh berdiam seharian sehingga membawa ke malam.

Komunikasi dalam keluarga wajar menerapkan pelbagai elemen *uslub* Nabi SAW berkomunikasi dengan para sahabat di samping membina kualiti remaja berkomunikasi. Meneladani intipati *uslub* baginda dapat membentuk suasana komunikasi keluarga yang harmoni, ibu bapa khususnya perlu memulakan peranan tersebut ketika remaja di awal usia. Menurut al-Nihlawi (2010), komunikasi dibina melibatkan dua atau lebih individu yang menyentuh perkara berkaitan soal jawab, tujuan, tajuk dan medan bertukar-tukar idea dan pandangan. Komunikasi memberi kesan dalam percakapan bahkan mereka dapat memanfaatkan untuk penambahbaikan diri sama ada pendengar mahupun penutur. Manakala *uslub* ialah satu istilah yang membawa maksud satu jalan, pendekatan dan cara penyampaian kandungan bagi meluaskan penghayatan dakwah yang dibina dengan ibarat tertentu kepada sasaran yang dituju (Abd Aziz Mohd Zin 1999).

## 2. Komunikasi Ibu Bapa Dengan Kanak-Kanak

Peranan komunikasi keluarga di antara ibu bapa dengan anak-anak merangkumi tatacara kehidupan. Terdapat beberapa peringkat membentuk komunikasi dengan anak-anak ketika di awal usia. ʿAbd Allah Nasih ʿUlwan (1992) berkata, zaman kanak-kanak merupakan peringkat awal manusia yang paling terkesan dengan apa yang mereka pelajari sesuatu makna bahasa dan persekitaran keluarga selain pengaruh dari sudut tingkah laku. Ibu bapa perlu mewujudkan pemahaman di antara bimbingan dan andaian agar terhindar kenalaran mereka berkomunikasi pada peringkat usia sebegini. Islam memiliki keluasan penghayatan komunikasi secara komprehensif. *Uslub* baginda berkomunikasi dengan sahabat amat wajar ditransformasi dalam komunikasi keluarga bagi membina generasi remaja yang beretika dan berintegriti.

Komunikasi ibu bapa dengan anak-anak perlu disemai dengan acuan nilai-nilai *uslub* baginda berkomunikasi sebagaimana Allah SWT lakarkan *uslub* dalam al-Qur'an seperti *qaulan kariman*, *qaulan sadidan*, *qaulan ma'rufa*, *qaulan baligha*, *qaulan layyina* dan *qaulan maisura* (Eka Sri Wahyuningsih 2008). Al-Nihlawi (2010) berkata fitrah kanak-kanak seharusnya diberi perhatian supaya menepati asuhan sebenar menurut sunnah *Tarbiah al-Walad*. Sememangnya sifat percakapan kanak-kanak lebih jujur seperti menyatakan sesuatu dan membuat permintaan. Kejujuran dalam diri kanak-kanak itu sebenarnya menyatakan hasrat yang terbuka untuk ibu bapa berinteraksi dengan mereka (al-Nihlawi 2010). Beberapa pendekatan mengikut tahap umur yang berbeza perlu diamati oleh ibu bapa. Antaranya:

### 2.1 Membina Komunikasi Anak-Anak Di Bawah Usia Lima Tahun:

Sebuah riwayat menceritakan Nabi SAW berinteraksi dengan cucu baginda. Daripada Syaddad bin al-Had al-Laith r.a berkata:

حَرَجَ عَلَيْنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي إِحْدَى صَلَاتِي الْعِشَاءِ وَهُوَ حَامِلٌ حَسَنًا أَوْ حُسَيْنًا، فَتَقَدَّمَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَوَضَعَهُ، ثُمَّ كَبَّرَ لِلصَّلَاةِ فَصَلَّى. فَسَجَدَ ظَهْرَانِي صَلَاتِهِ سَجْدَةً أَطَاهَا، قَالَ أَبِي: فَرَفَعْتُ رَأْسِي وَإِذَا الصَّيُّ عَلَى ظَهْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ سَاجِدٌ، فَرَجَعْتُ إِلَى سُجُودِي. فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصَّلَاةَ، قَالَ النَّاسُ: إِنَّكَ سَجَدْتَ بَيْنَ ظَهْرَانِي صَلَاتِكَ سَجْدَةً أَطَلَّتْهَا! حَتَّى ظَنَنَّا أَنَّهُ قَدْ حَدَثَ أَمْرٌ، أَوْ أَنَّهُ يُوحَى إِلَيْكَ؟ كُلُّ ذَلِكَ لَمْ يَكُنْ، وَلَكِنَّ ابْنِي ارْتَحَلَنِي، فَكَرِهْتُ أَنْ أَعْجَلُهُ حَتَّى يَقْضِيَ حَاجَتَهُ.

[Al-Nasa'i, Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Tatbiq, Bab hal Yajuz an Takun Sajdah atwal min Sajdah. Al-Albani berkata: Sahih, no hadith 1140]

Maksudnya:

Rasulullah SAW keluar untuk menunaikan (solat berjamaah) bersama kami pada salah satu solat di waktu petang, (tidak pasti) sama ada solat Zohor atau Asar. Baginda sedang mendukung cucunda baginda, iaitu Hasan dan Husayn r.a. Kemudian, baginda meletakkan kedua-dua cucunya di hadapan baginda solat. Lalu, baginda mengangkat takbir (untuk menunaikan solat). Sehingga baginda sujud di tengah-tengah solatnya dengan sujud yang panjang. Syaddad berkata: Aku pun mengangkat kepala aku lantas aku melihat kedua-dua cucu baginda sedang bermain di belakang baginda ketika baginda sedang sujud dan aku pun kembali sujud. Setelah selesai menunaikan solat, para jamaah bertanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya engkau telah sujud ditengah-tengah solatmu dengan sujud yang sangat panjang. Kami menyangka sesuatu telah berlaku atau kemungkinan wahyu sedang turun ke atasmu. Ujar Rasulullah SAW dalam sabdanya: Tiada apa-apa yang berlaku, melainkan kedua-dua cucuku sedang menunggang di belakangku dan aku tidak mahu mengganggu mereka sehingga mereka merasa puas.

Komunikasi ibu bapa dengan kanak-kanak di awal usia mempunyai perbezaan dari sudut asuhan bahkan mereka mempunyai komperatif berdasarkan usia. Menurut Piaget (1926) apabila mencapai umur satu sehingga penghujung dua tahun mereka mula mempelajari bahasa dan lambang yang mudah. Oleh itu, amat wajar keluarga mencontohi baginda bergurau dengan seorang budak lelaki dengan panggilan *kunyah* atau gelaran seperti orang dewasa kepada adik Anas bin Malik r.a. Berkata Abu Hamzah: Nabi SAW mempunyai akhlak sebaik-baik manusia dan baginda pernah berborak dengan adikku yang ketika itu baru berumur dua atau tiga tahun. Nabi SAW bersabda:

يَا أَبَا عُمَيْرٍ، مَا فَعَلَ التُّعَيْرُ؟

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Adab, Bab al-Kunyah li Sabiy wa Qabl an Yulad li Rajul, no hadith 6203]

Maksudnya:

Wahai Aba 'Umayr, apa yang telah kamu buat pada burung (seperti burung pipit) itu?

Ibn Hajar al-<sup>o</sup>Asqalani (2001) berkata panggilan *kunyah* itu bukan realiti sebenar untuk memanggil kanak-kanak sedemikian rupa, namun seruan tersebut telah menyebabkan si kecil itu berasa gembira kerana gurauan baginda telah menambat hatinya.

## 2.2 Membina Komunikasi Permulaan Usia Kanak-Kanak:

Sebuah riwayat daripada Mahmud bin al-Rabi<sup>o</sup> r.a berkata:

عَفَلْتُ مِنَ النَّبِيِّ مَجَّةً مَجَّهَا فِي وَجْهِهِ وَأَنَا ابْنُ خَمْسِ سِنِينَ مِنْ دَلْوٍ.

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-<sup>o</sup>Ilm, Bab mata yasah Sama<sup>o</sup> al-Sabiy al-Saghir, no hadith 77]

Maksudnya:

Aku telah mengingati ilmu aku daripada Rasulullah, saat baginda menyembur air liurnya ke wajahku, pada saat itu umurku baru mencecah lima tahun.

Menurut Ibn Hajar al-<sup>o</sup>Asqalani (2001), air liur baginda mempunyai keberkatan dan itu merupakan satu cara baginda bergurau dengan kanak-kanak yang belum mencapai usia matang. Al-Kirmani berkata,

kenyataan tersebut mengharuskan kanak-kanak mempelajari ilmu (hadith) malah status ilmu mereka diterima keabsahannya.

Kanak-kanak yang mencapai usia lima tahun sudah pandai menggunakan bahasa atau simbol untuk menggambarkan sesuatu malah mereka boleh memahami dan bertutur dengan fasih dan lancar pada peringkat ini. Kebiasaan pada umur begini, mereka gemar melakukan kreativiti yang bermacam-macam jenis seperti bermain barang-barang permainan bahkan naluri semulajadi mereka didorong persekitaran termasuk meniru gaya percakapan orang sekeliling. Anak-anak memerlukan layanan dan perhatian orang tua mereka dalam segenap pergaulan.

Senada dengan kenyataan yang diriwayatkan oleh °A'isyah r.a:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يُسَرِّبُ إِلَيَّ صَوَاحِبِي يُلْعَبْنَ بِاللَّعِبِ، الْبَنَاتِ الصِّغَارِ.

[Ibn Hibban, Al-Ihsan Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban. Syu°aib al-Arnaout berkata: Sahih, no hadith 5863]

Maksudnya:

Bahawasa Nabi SAW menghantar beberapa orang kawan perempuanku untuk bermain anak patung denganku.

Menurut Miller (1981), kanak-kanak pada peringkat usia lima tahun sudah mampu menguasai kosa kata dan tatabahasa melalui pengalaman mereka sehari-hari. Pada tahap umur sebegini, kanak-kanak mampu memperoleh semua bahasa yang didengarinya di persekitaran tempat mereka membesar. Justeru, komunikasi perlu disemai dengan nilai akhlak, adab, ilmu dan pengetahuan dalam masa yang sama luangkan masa untuk bermain dengan mereka. Ibu bapa perlu mengambil cakna komunikasi anak-anak pada peringkat usia ketika ini dibimbangi berlaku kesukaran mereka dalam menyampaikan mesej disebabkan pencapaian linguistik mereka rendah.

### 2.3 Membina Komunikasi Pertengahan Usia Kanak-Kanak:

Sebuah riwayat menceritakan Nabi SAW berkomunikasi dengan seorang kanak-kanak. Berkata °Umar bin Abi Salamah r.a:

كُنْتُ غُلَامًا فِي حَجْرِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَكَانَتْ يَدِي تَطْبِشُ فِي الصَّحْفَةِ،

Maksudnya:

Aku pernah menjadi seorang budak yang berada di bawah jagaan Rasulullah SAW dan tanganku ketika itu sering mencapai makanan pada hidangan di atas meja.

Lantas, baginda Nabi SAW bersabda:

يَا غُلَامُ سَمِّ اللَّهَ وَكُلْ بِيَمِينِكَ وَكُلْ مِمَّا يَلِيكَ فَمَا زِلْتَ تِلْكَ طِعْمَتِي بَعْدَ.

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-At°imah, Bab al-Tasmiah °ala al-Ta°am wa al-Akl bi al-Yamin, no hadith 5376]

Maksudnya:

Wahai kanak-kanak, bacalah basmalah 'Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang', makanlah dengan tangan kanan kamu, makanlah hidangan yang paling hampir dengan kamu.

Ibn Hajar al-°Asqalani (2001) berkata tentang budak yang diceritakan itu ialah individu yang belum mencapai umur yang matang. Maka, kanak-kanak pada umur begini wajar dilatari dengan sempurna dan baik setiap suruhan yang dituturkan ibu bapa. Isu tersebut menarik perhatian Piaget (1926) dalam kajiannya mengenai usia tujuh sehingga dua belas tahun adalah kelupusan proses egosentrik kanak-kanak secara

beransur-ansur. Pada masa yang sama mereka memperoleh konsep transformasi iaitu menguasai proses kebalikan walaupun keupayaan mereka berfikir secara logik terbatas berpandukan konkrit dan pengalaman hidup sahaja.

## 2.4 Membina Komunikasi Penghujung Usia Kanak-Kanak:

Sebuah riwayat daripada °Abd Allah bin °Abbas r.a menceritakan tentang dirinya dengan Nabi SAW. Katanya: Satu hari, ketika aku berada di belakang baginda, Rasulullah berpesan dengan aku sesuatu perkara, lalu baginda bersabda:

يَا غُلَامُ إِنِّي أَعَلِّمُكَ كَلِمَاتٍ: أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظَكَ، أَحْفَظِ اللَّهَ يَحْفَظْكَ، إِذَا سَأَلْتَ فَاسْأَلِ اللَّهَ، وَإِذَا اسْتَعْنَيْتَ فَاسْتَعِنْ بِاللَّهِ،  
وَاعْلَمْ أَنَّ الْأُمَّةَ لَوِ اجْتَمَعَتْ عَلَىٰ أَنْ يَنْفَعُوكَ بِشَيْءٍ أَمْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ ۚ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، وَإِنْ اجْتَمَعُوا عَلَىٰ أَنْ يَضُرُّوكَ بِشَيْءٍ  
لَمْ يَضُرُّوكَ إِلَّا بِشَيْءٍ ۚ قَدْ كَتَبَهُ اللَّهُ عَلَيْكَ، رُفِعَتِ الْأَقْلَامُ وَجُمِعَتِ الصُّحُفُ.

[Al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab Sifah al-Qiyamah wa al-Raqa'iq wa al-War°. Abu °Isa dan al-Albani berkata: Hadith Hasan Sahih, no hadith 2516]

Maksudnya:

Wahai budak, sesungguhnya aku (baginda nabi) akan mengajar kamu sebaris ayat: Jagalah Allah (agama) nescaya Allah akan melindungi kamu, jagalah Allah nescaya kamu akan mendapati-Nya berada bersama-sama dengan kamu, apabila kamu meminta, maka mintalah kepada Allah, dan apabila kamu memohon pertolongan, maka mohonlah pertolongan kepada Allah. Dan ketahuilah sekiranya sekalian umat berkumpul untuk memberikan kamu manfaat nescaya mereka tidak akan dapat melakukannya melainkan dengan izin Allah, dan sekiranya apabila mereka berkumpul untuk memudaratkan kamu, nescaya mereka tidak akan dapat melakukannya melainkan dengan kehendak Allah. Telah diangkat pena-pena dan keringkan lembaran-lembaran.

Komunikasi secara formal ini digambarkan Ibn Daqiq al-°Eid (2008) dengan menyingkap satu pesanan baginda yang sangat berharga kepada Ibn °Abbas r.a meskipun usianya masih mentah untuk mendengar perkara tersebut.

Kognitif pemikiran kanak-kanak yang berusia dua belas tahun akan mencapai perkembangan yang kemuncak sehingga penghujung usia enam belas tahun. Pada peringkat pra remaja ini sebenarnya mampu merangka pemikiran secara abstrak dan boleh menyelesaikan masalah mereka secara kompleks (Piaget 1926). Namun, nilai-nilai *uslub* baginda berkomunikasi perlu dirutinkan para ibu bapa agar dapat meningkatkan kesefahaman antara satu sama lain dalam keluarga malah boleh mengurangkan unsur-unsur negatif menular komunikasi mereka (Eka Sri Wahyuningsih 2008).

## 3. Punca Masalah Komunikasi Remaja Dan Ibu Bapa

Realiti hari ini para remaja telah menimbulkan pelbagai jenayah moral disebabkan penggunaan kata-kata kesat dalam percakapan mereka di rumah.

Hal ini dibuktikan kadar penglibatan remaja dalam masalah sosial yang meningkat mengikut Laporan Kajian Tingkah Laku Remaja Johor yang telah dijalankan oleh Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial di Universiti Malaya (2000). Dapatan kajian ini menunjukkan sebanyak 32.9% remaja terlibat dengan keganasan, sebanyak 39.8% remaja pula terlibat dengan salah laku seksual dan remaja yang terlibat dengan salah guna dadah ialah 34.2%. Manakala remaja yang terlibat dengan lepak kerana kebosanan dengan sikap keluarga berkomunikasi pula adalah sebanyak 49.9%. Kajian yang dijalankan oleh pihak Universiti Malaya ini menunjukkan penglibatan remaja dalam masalah sosial semakin meruncing dan amat membimbangkan semua pihak. Malah, Berita Harian bertarikh 29 Mac 2014 menyatakan statistik kegiatan jenayah yang berlaku melibatkan pelajar sekolah menengah meningkat daripada 360 orang pelajar pada tahun 2012 kepada 540 orang pada tahun berikutnya.

Sebaliknya, menurut Nooh Gadut (2013) sesebuah keluarga Islam yang menghadapi masalah ialah

kelemahan ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak. Tambahan beliau, dua cabaran dari sudut dalaman dan luaran terpaksa dihadapi oleh keluarga. Antara masalah dalaman ialah kurangnya penekanan ibu bapa terhadap remaja tentang didikan agama, tiada peranan ibu bapa sebagai *role-model* dan kerenggangan hubungan yang tidak sekata dengan anak-anak. Kesibukan yang melampau dengan aktiviti-aktiviti di luar rumah merupakan kerangka cabaran luaran bagi ibu bapa. Sebuah artikel daripada Harakahdaily bertarikh 2 Februari tahun 2016 ditulis oleh Muhammad Samil Misran menyatakan 80% kesibukan ibu bapa di luar rumah merupakan punca masalah gejala sosial dalam kalangan remaja disebabkan kedua belah pihak terlalu sibuk dengan pekerjaan masing-masing.

Umar al-Farmawi (2008) menyimpulkan selain dosa anak-anak menderhakai ibu bapa, pihak keluarga juga boleh mendorong berlakunya anak-anak menderhakai mereka. Terdapat empat isu yang dibincangkan antaranya ialah kelemahan ibu bapa berkomunikasi dalam keluarga. Penggunaan kata-kata kasar dan tengking-menengking melazimi persekitaran komunikasi remaja menyebabkan punca kegagalan keluarga berkomunikasi. Diparahkan lagi apabila ibu bapa memarahi, mencerca dan mengherdik anak-anak di hadapan orang yang mereka kenal. Nabi SAW menegaskan dalam sebuah kenyataan hadith yang diriwayatkan oleh Abd Allah bin Mas'ud r.a:

لَيْسَ الْمُؤْمِنُ بِالطَّعَّانِ، وَلَا اللَّعَّانِ، وَلَا الْفَاحِشِ، وَلَا الْبَذِيءِ

[Al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Birr wa al-Silah, Bab ma ja' fi al-La'nah. Al-Albani berkata: Sahih, no hadith 1977]

Maksudnya:

Seseorang mukmin itu bukanlah seorang pemaki hamun, mengutuk, berkata keji dan mempuyai lidah yang kotor.

Institusi keluarga yang sering mempamerkan kata-kata kesat di rumah mengundang kesan kebosanan remaja dan mereka mencari kepuasan di luar rumah termasuk melakukan jenayah sosial di luar kawalan. Komunikasi yang dilatari secara negatif membikin golongan remaja menjerumuskan diri dengan masalah moral. Tambahan pula, pengaruh rakan-rakan yang kronik merumitkan lagi keadaan komunikasi mereka kerana dipengaruhi dengan keseronokan tanpa batasan halal dan haram.

#### 4. *Uslub* Nabi SAW Menangani Masalah Komunikasi Keluarga

*Uslub* baginda Nabi SAW berkomunikasi dengan para sahabat memiliki pendekatan yang terbaik, amat berkesan dan wajar dicontohi keluarga. Elemen unggul tersebut perlu diterap dalam komunikasi yang melibatkan dua orientasi sebuah keluarga, iaitu perbualan dan keakuran. Orientasi perbualan melibatkan keseluruhan ahli keluarga dengan pelbagai topik. Manakala keakuran pula, merujuk kepada sikap, nilai dan kepercayaan termasuk keperihatinan (Aziyah Abu Bakar, Wan Abd Aziz Wan Mohd Amin, Hasniza Che Noh 2011). Perkembangan sosial komunikasi yang sihat ialah membenarkan remaja menyatakan pendapat, meluahkan perasaan dan saling memahami keinginan mereka selagi mana tidak bercanggah dengan hukum syara' (Damayanti Wardyaningrum 2013).

Yusuf Zaky Yacob (1977) membuat rumusan tentang pelbagai masalah remaja yang berlaku dan cara mengatasi masalah mereka yang terbaik ialah memujuk mereka menjadi orang yang mempunyai wawasan dan dinamik. Galvin dan Brommel (1986) turut menyetujui cara membina komunikasi keluarga pada asasnya di rumah kerana komuniti yang saling kenal mengenal dan berhubungan antara satu sama lain sepanjang hayat boleh memberi impak yang berpanjangan. Oleh itu, ibu bapa wajar memanfaatkan komunikasi remaja menggunakan pendekatan *uslub* baginda agar tersemat nilai dan akhlak Islam dalam diri remaja secara tidak langsung (Sa'ad al-Din Iman 2006).

Menonjolkan pelbagai elemen pendekatan atau *uslub* baginda berkomunikasi dengan para sahabat amat dianjurkan. Antaranya ialah pendekatan menarik perhatian, memberi kata-kata perangsang, cara-cara mematahkan hujah, bertanyakan sesuatu perkara, cadangan, reaksi yang tenang dan buat-buat tidak perasan, bermain teka-teki, nasihat, pelbagai jawapan setiap soalan yang diajukan, merendah diri, menyibukkan diri dalam sesuatu hal dan banyak lagi. Oleh demikian, tiga contoh *uslub* baginda berkomunikasi dengan para sahabat yang meliputi *uslub* ketika berhadapan dengan perbalahan, orang yang ditimpa musibah dan tindakan susulan adalah seperti berikut:

#### 4.1 Komunikasi dengan raut wajah bersahaja ketika berlaku pertengkaran.

a. *Uslub* Nabi SAW buat-buat tidak perasan ketika berlaku pergaduhan di antara dua orang sahabat. Sebuah riwayat daripada Sulayman bin Sard r.a berkata:

كُنْتُ جَالِسًا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَرَجُلَانِ يُسْتَبَانِ فَأَحَدُهُمَا أَحْمَرٌ وَجْهُهُ وَأَنْتَفَحَتْ أُودَاجُهُ.

Maksudnya:

Ketika aku sedang duduk berhampiran dengan baginda, terdapat dua orang saling mencela di antara satu sama lain sehingga menyebabkan raut wajah salah seorang daripada mereka bertukar menjadi merah padam dan urat leher seorang lagi menegang". Nabi SAW bersabda:

إِنِّي لِأَعْلَمُ كَلِمَةً لَوْ قَالَهَا ذَهَبَ عَنْهُ مَا يَجِدُ لَوْ قَالَ: أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ ذَهَبَ عَنْهُ مَا يَجِدُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya aku mengetahui satu perkataan yang dapat menghilangkan apa yang terbuku di lubuk hati kalian sekiranya kalian berkata: Aku berlindung dengan nama Allah daripada syaitan, nescaya akan hilanglah perasaan yang terbuku di dalam hati kalian.

Tambahan baginda dalam sabdanya lagi:

تَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ،

Maksudnya:

Mintalah perlindungan dengan Allah daripada perbuatan syaitan.

Lelaki itu berkata:

فَقَالَ: وَهَلْ بِي جُنُونٌ؟

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab Bad' al-Khalq, Bab Sifah Iblis wa Junuduh, no hadith 3282.]

Maksudnya:

Adakah aku ini gila? (kerana dia menyangka, hanya perlu meminta perlindungan daripada syaitan sahaja).

b. Ulasan Sarjana:

Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani (2001) memetik pernyataan Mujahid dan Ibn <sup>c</sup>Abbas r.a berdasarkan beberapa kenyataan ayat al-Qur'an tentang perangai dan tujuan syaitan kepada anak Adam. Antaranya ialah, Allah SWT berfirman:

وَيُقَدِّفُونَ مِنْ كُلِّ جَانِبٍ ۖ دُحُورًا ۖ وَهُمْ عَذَابٌ وَأَصِيبٌ ﴿٨﴾

[al-Qur'an, al-Saffat, 37: 8-9]

Maksudnya:

Dan mereka (syaitan) dilempari dari segala penjuru. Untuk Mengusir mereka dan mereka akan mendapat azab yang kekal. Kedua, Allah SWT berfirman di dalam *Mushaf*-Nya:

وَلَا تَجْعَلْ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ فَتُلْقَىٰ فِي جَهَنَّمَ مَلُومًا مَّدْحُورًا ﴿٣٩﴾

[al-Qur'an, al-Isra', 17: 39]

Maksudnya:

Dan janganlah kamu mengadakan Tuhan yang lain di samping Allah, yang menyebabkan kamu dilemparkan ke dalam neraka dalam keadaan tercela dan dijauhkan (daripada rahmat Allah).

### c. Solusi Masalah Komunikasi Keluarga:

Penggunaan tutur kata kasar ketika menyelesaikan masalah bukan jalan penyelesaian bahkan bertambah buruk dan mendatangkan kemudaratan daripada kebaikan. Dalam menangani pertengkaran seseorang, baginda melayan orang yang bergaduh itu dengan berhemah dan tidak berkeras dengannya (Muhammad Salih al-Munajjid 2014). Sebagai pendidik, ibu bapa perlu memandangkan keseluruhan situasi masalah jika melibatkan perselisihan dalam kalangan anak-anak remaja. Tindakan ibu bapa yang pertama ialah menzahirkan wajah yang tenang. Kedua, perlu menjauhkan diri daripada sikap pilih kasih. Ketiga, rapat dan berbual dengan remaja apabila kemarahan mereka telah reda dan berbincang dengan sebaik mungkin mengenai masalah yang timbul agar kekusutan yang berlaku di antara mereka dapat dileraikan.

## 4.2 Komunikasi ketika mereka ditimpa musibah.

### a. *Uslub* ucapan takziah dan kata-kata perangsang Nabi SAW kepada mereka yang ditimpa dugaan Allah SWT:

Sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Usamah bin Zayd r.a menceritakan: Satu ketika, anak perempuan nabi SAW mengutuskan seorang utusan untuk memberitahu kepada baginda tentang keuzuran yang dialami oleh anak kepada Zaynab. Kemudian, baginda membalas surat itu dan diserahkan kembali kepada utusan Zaynab bersaksikan dua orang sahabat iaitu Sa'd bin Abi Waqas dan Ubay bin Ka'b dan baginda memulakan tinta kalamnya dengan ucapan salam. Lantas, nabi SAW bersabda:

إِنَّ لِلَّهِ مَا أَخَذَ وَلَهُ مَا أُعْطِيَ وَكُلُّ شَيْءٍ عِنْدَهُ مُسَمًّى فَلْتَحْتَسِبْ وَلْتَصْبِرْ.

Maksudnya:

Sesungguhnya kita ini adalah milik Allah, apa yang Allah beri atau Dia ambil adalah milik-Nya, dan semua perkara yang dicatat oleh Allah ada kesudahannya. Maka, bersabar dan harapkan pahala serta ganjaran daripada Allah.

Kemudian, baginda datang ke rumah Zaynab bersama-sama dengan dua orang sahabat baginda (Sa'd bin Abi Waqas dan Ubay bin Ka'b). Baginda mendakap anak tersebut (anak Zaynab yang sakit). Lalu, baginda menangis. Sa'd pun bertanya kepada baginda:

مَا هَذَا يَا رَسُولَ اللَّهِ؟

Maksudnya:

Wahai Rasulullah, kenapa engkau menangis? Nabi SAW bersabda:

هَذِهِ رَحْمَةٌ وَضَعَهَا اللَّهُ فِي قُلُوبِ مَنْ شَاءَ مِنْ عِبَادِهِ وَلَا يَرْحَمُ اللَّهُ مِنْ عِبَادِهِ إِلَّا الرَّحْمَاءَ.

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Marda, Bab 'Iyadah al-Sibyan, no hadith 5655.]

Maksudnya:

Ini adalah kasih sayang yang telah ditetapkan oleh Allah ke dalam hati hamba-hamba-Nya yang dikehendaki dan Allah tidak merahmati kalangan hamba-Nya itu melainkan mereka mengasihi sesama mereka.

### b. Ulasan Sarjana:

Ibn Hajar al-Asqalani (2001) berkata pernyataan *rahmah* itu merupakan kurniaan Allah kepada manusia yang ditimpa ujian iaitu suatu ganjaran yang besar beserta nikmatnya tidak terbatas. Allah SWT memperingatkan manusia untuk menyampaikan ucapan atau kata-kata takziah kepada mereka yang ditimpa musibah. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ إِذَا أَصَابَتْهُمُ مُصِيبَةٌ قَالُوا إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ ﴿١٥٦﴾ أُولَئِكَ عَلَيْهِمْ صَلَوَاتٌ مِّن رَّبِّهِمْ وَرَحْمَةٌ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُهْتَدُونَ ﴿١٥٧﴾

[al-Qur'an, al-Baqarah, 02: 156-157]



Maksudnya:

Orang yang ditimpa musibah dengan pelbagai ujian, mereka perlu mengucapkan ‘Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya lah kami kembali’. Mereka itulah yang mendapat keberkatan yang sempurna dan rahmat dari Tuhan mereka dan mereka itulah orang yang mendapat petunjuk.

c. Solusi Masalah Komunikasi Keluarga:

Manusia yang ditimpa musibah memerlukan sokongan moral dalam elemen pergaulan di antara satu sama lain seperti kata-kata perangsang dan mendampingi mereka. Perkara yang perlu ibu bapa terapkan ketika berkomunikasi dengan mereka ialah menanamkan sifat redha dengan mengatakan bahawa semua yang berlaku merupakan ketentuan dan kehendak Ilahi. Komunikasi seperti ini wajar dibiasakan agar mereka sekeluarga tidak diselubungi ketakutan yang melampau sehingga berlaku syirik kepada Allah SWT.

#### 4.3 Komunikasi diterjemah dalam tingkah laku.

a. *Ushub* baginda Nabi SAW mematahkan hujah dengan tindakan baginda:

Ibn ʿUmar r.a menceritakan dalam sebuah riwayat, Nabi SAW memakai sebentuk cincin emas dalam beberapa detik, lantas baginda mencampakkannya, Nabi SAW bersabda:

لَا أَلْبَسُهُ أَبَدًا

[Al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Libas, Bab khatim al-Fiddah, no hadith 5867.]

Maksudnya:

Aku tidak akan memakainya (cincin) itu sampai bila-bila.

Justeru, para sahabat yang melihat kejadian tersebut bertindak mencampakkan cincin yang mereka pakai.

b. Ulasan Sarjana:

Ibn Hajar al-ʿAsqalani (2001) memetik penjelasan beberapa sarjana seperti al-Nawawi dan al-Qadi ʿIyyad yang menukil keterangan hadith daripada Ibn Battal, katanya kebanyakan yang menyaksikan cincin emas yang dipakai beberapa detik oleh baginda adalah haram bagi kaum lelaki untuk memakainya. Kemudian, mereka mencampakkan cincin emas itu sebagaimana baginda sendiri melakukannya. Ini membuktikan, percakapan dan tingkah laku baginda adalah selaras mengikut kehendak syara’.

c. Solusi Masalah Komunikasi Keluarga:

Berkomunikasi secara praktikal adalah lebih efektif berbanding secara teori dalam masa yang sama menerangkan kesan mudarat bagi sesuatu kesilapan (Muhammad Salih al-Munajjid 2014). Komunikasi ibu bapa dengan remaja yang nakal memerlukan perbuatan susulan agar mesej yang disampaikan dapat diteladani bersama. Kebiasaan manusia akan memandang orang yang berkata-kata wajar bertindak terlebih dahulu sebelum menyuruh orang lain melakukannya. Bertepatan dengan hal tersebut, firman Allah SWT di dalam al-Qur’an menegaskan:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٦١﴾ كَبُرَ مَقْتًا عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ ﴿٦٢﴾

[al-Qur’an, al-Saf, 61: 2-3]

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, mengapa kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu lakukan. Hal itu sangat dibenci di sisi Allah jika kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan.

Oleh itu, Islam amat menekankan hubungan kekeluargaan di antara ahlinya sebagai satu amanah yang wajib dipikul semua pihak (A'dawiyah Ismail 2011). Membina komunikasi keluarga dan seisinya dengan baik berteraskan sunnah wajar dibuat dengan rela hati dan saksama. Asasnya, komunikasi keluarga yang dibina dapat mewujudkan suasana ketenangan sebuah keluarga dengan aman damai malah dapat mengurangkan masalah tekanan keluarga yang dihadapi mereka (A'dawiyah Ismail 2011).

## 5. Kesimpulan

Membina komunikasi keluarga berdasarkan *uslub* Nabi SAW dapat melahirkan generasi yang matang berkomunikasi malah dapat mengurangkan risiko masalah jenayah sosial remaja khususnya. Keruntuhan akhlak remaja menjadi rentetan apabila masalah mereka berkomunikasi bukan sekadar melibatkan keseluruhan ahli keluarga bahkan masyarakat di luar rumah sekali gus. Oleh itu, ibu bapa perlu menerapkan komunikasi menggunakan pendekatan *uslub* Nabi SAW berkomunikasi dengan para sahabat bermula di awal usia seterusnya melangkah ke alam pra operasi sehingga terbina operasi secara formal.

## Rujukan

- Abd Aziz bin Mohd Zin. 1999. *Pengantar Dakwah Islamiah*. Hlm. 75-76. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abu Dawud, Sulayman bin al-Asy'ath al-Sajastani. 1998. *Sahih Abu Dawud*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Sa'udi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Ta'uzi'.
- A'dawiyah Ismail. 2011. *Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam*. Vol. 3. UKM: Jurnal al-Hikmah, hlm. 121-144.
- Aziyah Abu Bakar, Wan Abd Aziz Wan Mohd Amin, Hasniza Che Noh & Mohd Yahya Mohamed Ariffin. 2011. *Hubungan Komunikasi Keluarga Dalam Menangani Konflik Dalam Kalangan Remaja*, vol. 13, no. 1. Kuala Lumpur: Jurnal Pengajian Media Malaysia.
- Brommel, Bernard J & Galvin, Kathleen M. 1986. *Family Communication, Cohesion and Change*. USA: Foresman & Company.
- Al-Bukhari. 2004. *Sahih al-Bukhari*. Penyusun: Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Al-Qahirah: Dar Ibnu al-Haytham.
- Damayanti Wardyaningrum. Mac 2013. *Komunikasi Untuk Penyelesaian Konflik Dalam Keluarga: Orientasi Percakapan Dan Orientasi Kepatuhan*. Vol. 2, No. 1. Jakarta: Jurnal Al-Azhar Indonesia Seri Pranata Sosial (Universitas Al-Azhar Indonesia).
- Eka Sri Wahyuningsih. 2008. *Pengaruh Komunikasi Keluarga Terhadap Kenakalan Remaja (Studi Kasus di Kelurahan Tamansari, Kerjo, Karanganyar)*. Skripsi Sarjana Pendidikan Islam, Fakultas Agama Islam, Jurusan Pendidikan Agama Islam (Tarbiyah), Universitas Muhammadiyah Surakarta, Indonesia.
- Al-Farmawi, 'Umar Muhammad 'Abd al-Mun'im al-Farmawi. 2008. *al-Kaba'ir wa Atharuha 'ala al-Fard wa al-Mujtama' fi Daw' al-Sunnah al-Nabawiah*. Mesir: Maktabah al-Iman bi al-Mansourah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani. 2001. *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Penilai: 'Abd al-Qadir Syaibah al-Hamad. Saudi: Sahib al-Sami al-Maliki al-Amir al-Sultan Ibn 'Abd al-'Aziz al-Sa'ud.
- Ibn Daqiq al-'Eid. 2008. *Syarh al-Arba'in al-Nawawiah fi al-Ahadith al-Sahihah al-Nawawiah*. Hlm. 81. Bayrut: Dar Ibnu Hazm. Hlm.
- Ibn Hibban, Abu Hatim, Muhammad bin Hibban al-Busti. 1988. *Al-Ihsan Sahih Ibnu Hibban biTartib Ibnu Balban*. Penilai: Syu'aib al-Arnaout. Bayrut: Mua'ssash al-Risalah.
- Laporan Kajian Tingkah Laku Remaja Johor. 2000. Jabatan Pentadbiran dan Keadilan Sosial, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Miller, Alice. 1981. *The Drama of The Gifted Child*. Hl., 7-9. United States: Basic Books.
- Al-Munajjid, Muhammad Salih. 2014. *Kaedah Rasulullah SAW Menegur Kesilapan*. Terj: Nor Aini Ismam. Petaling Jaya: Dakwah Corner Publications Sdn. Bhd.

- Muslim, Abu al-Husyan Muslim bin al-Hajjaj al-Qushayri al-Naysaburi. 2008. *Sahih Muslim*. Penyusun: Mohammed Tamer. Mesir: Matba'ah al-Madani.
- Al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman, Ahmad bin Syu'aib bin 'Ali al-Nasa'i. 1998. *Sahih Sunan al-Nasa'i*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Sa'udi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- Al-Nihlawi, 'Abd al-Rahman. 2010. *Usul al-Tarbiah al-Islamiah wa Asalibiha fi al-Bayt wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Dimasyq: Dar al-Fikr.
- Nooh Gadut. 2013. *Kertas Kerja: Masyarakat, Pendidikan dan Pembentukan Keluarga Islam Berkualiti*. Artikel Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Piaget, Jean. 1926. *The Language and Thought of the Child*. New York: Harcourt Brace & Company.
- Sa'ad al-Din, Iman 'Abd al-Mukmin. 2006. *Meneladani Akhlak Nabi*. Terj: Dadang Sobar Ali. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Al-Tirmidhi. 2000. *Sahih Sunan al-Tirmidhi*. Penilai: Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Sa'udi: Maktabah al-Ma'arif li Nasyr wa al-Tauzi'.
- 'Ulwan, 'Abd Allah Nasih. 1992. *Tarbiah al-Awlad fi al-Islam*. Jil, 2, Hlm, 606. Mesir: Dar al-Salam li Taba'ah wa al-Nasyar wa al-Tauzi'.
- Yusoff Zaky Yacob. 1977. *Ilmu Jiwa*. Kota Bharu: Sharikat Dian Sdn. Bhd.